



KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR
PEPERIKSAAN AKHIR DALAM TALIAN / ONLINE

NAMA KURSUS : PENGAJIAN ISLAM
KOD KURSUS : MPU2313
PEPERIKSAAN : JUN 2022
MASA : 3 JAM

ARAHAN KEPADA CALON

1. Kertas soalan ini mengandungi **DUA (2)** bahagian: BAHAGIAN A (25 Markah)
BAHAGIAN B (75 Markah)
2. Sila rujuk pada arahan terperinci di dalam kertas soalan ini.
3. Jawab **SEMUA** soalan di dalam kertas jawapan iaitu kertas bersaiz A4 (atau lain-lain kertas dengan persetujuan pensyarah berkaitan).
4. Tulis butiran anda sepertimana berikut di penjuru atas kiri bagi setiap kertas jawapan:
 - i. Nama Penuh Pelajar
 - ii. No. Kad Pengenalan
 - iii. Seksyen Kelas
 - iv. Kod Kursus
 - v. Nama Kursus
 - vi. Nama Pensyarah
5. Setiap helai kertas jawapan mesti ditulis nombor muka surat di penjuru bawah kanan.
6. Jawapan hendaklah ditulis tangan, kemas dan jelas.

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI 13 HALAMAN BERCETAK TERMASUK MUKA HADAPAN

BAHAGIAN A

Bahagian ini mengandungi **DUA PULUH LIMA (25)** soalan.

Jawab **semua** soalan pada Kertas Jawapan.

1. Apakah yang dimaksudkan dengan istilah *nidzam al-hayat* dalam perbahasan mengenai Islam?
 - A. Cara hidup yang akan membawa manusia kepada kesejahteraan hidup sekiranya diamalkan sepenuhnya.
 - B. Peraturan yang akan membawa manusia kepada kesejahteraan hidup sekiranya diamalkan sepenuhnya.
 - C. Komuniti yang akan membawa manusia kepada kesejahteraan hidup sekiranya diamalkan sepenuhnya.
 - D. Aktiviti yang akan membawa manusia kepada kesejahteraan hidup sekiranya diamalkan sepenuhnya.

2. Apakah yang dimaksudkan dengan konsep *al-Falah* sebagai matlamat aktiviti muamalat?
 - A Kekayaan di dunia dan akhirat.
 - B Kejayaan di dunia dan akhirat.
 - C Kebendaan di dunia dan akhirat.
 - D Kemenangan di dunia dan akhirat.

3. "Segala sesuatu(baik dan buruk) sudah diatur sejak azali. Manusia tidak mengetahui tentang sesuatu sehingga sesuatu perkara itu terjadi".

Manakah antara berikut merujuk pernyataan di atas?

- A Rukun Iman : Percaya kepada Allah SWT.
- B Rukun Iman : Percaya kepada hari kiamat.
- C Rukun Iman : Percaya kepada Qada' dan Qadar.
- D Rukun Iman : Percaya kepada kitab-kitab Allah SWT.

4. Manakah antara pernyataan yang berikut menunjukkan Islam bersifat syumul?
- A Islam ialah ciptaan Allah SWT, yakni bukan agama ciptaan manusia.
 - B Islam ialah agama yang paling tinggi lagi agung, iaitu milik Allah SWT Yang maha berkuasa.
 - C Islam ialah agama yang realistik dan berpijak di bumi yang nyata dan diturunkan untuk dipraktikkan di semua tempat dan masa.
 - D Ajaran Islam meliputi seluruh aspek kehidupan manusia meliputi aspek ekonomi, sosial, ibadat, politik, pendidikan, kebudayaan dan juga hiburan.
5. “Peraturan-peraturan berhubung nilai baik dan buruk antara manusia sesama manusia serta antara manusia dengan alam dan Tuhan”. Manakah antara berikut merujuk pernyataan di atas?
- A Iman.
 - B Islam.
 - C Ihsan.
 - D Akhlak.
6. Manakah antara berikut merupakan padanan yang benar terhadap kitab suci utama yang wajib diketahui oleh orang Islam?
- i. Kitab Injil – Nabi Musa
 - ii. Kitab Zabur – Nabi Daud
 - iii. Kitab Taurat – Nabi Isa
 - iv. Al-Quran – Nabi Muhammad SAW
- A i, ii
 - B i, iii
 - C ii, iv
 - D i, ii, iii

7. Manakah antara pernyataan yang berikut benar tentang tugas-tugas malaikat?
- A Malaikat Atid – menjaga neraka.
 - B Malaikat Izrail – mencabut nyawa.
 - C Malaikat Jibrail– meniup sangkakala pada hari kiamat.
 - D Mungkar dan Nankir a.s – malaikat yang membawa wahyu kepada rasul dan nabi.
8. Berzina iaitu melakukan persetubuhan tanpa nikah yang sah mengikut hukum syarak. Manakah antara berikut merupakan kategori kesalahan menurut hukuman Islam yang wajib dikenakan ke atas penzina?
- A Diyat.
 - B Qisas.
 - C Takzir.
 - D Hudud.
9. Sesuatu harta yang wajib dibayar dan diberikan oleh penjenayah kepada wali atau waris mangsanya sebagai ganti rugi disebabkan jenayah yang dilakukan oleh penjenayah ke atas mangsanya. Apakah jenis kategori hukuman Islam berdasarkan pernyataan di atas?
- A Diyat.
 - B Qisas.
 - C Takzir.
 - D Hudud.
10. Apakah hukum berkahwin apabila seseorang itu cukup syarat, mampu dan keinginan sangat tinggi untuk beristeri kerana ditakuti boleh membawa kepada perbuatan zina atau yang menghampirinya?
- A Wajib.
 - B Sunat.
 - C Harus.
 - D Haram.

11. Manakah antara yang berikut tanggungjawab ibu bapa kepada anak?

- i. melakukan akikah.
- ii. memberi nama yang baik.
- iii. mengajar membaca al-quran.
- iv. memberi pendidikan hal keduniaan semata.

- A i, ii
- B i, iii
- C ii, iv
- D i, ii, iii

12. Apakah yang dimaksudkan dengan masyarakat Islam?

- A Masyarakat Islam ialah kelompok manusia yang terdapat dalam sesebuah negara.
- B Masyarakat Islam ialah kelompok manusia yang terdapat dalam sesebuah negara yang beragama Islam serta mempraktikkan ajaran Islam.
- C Masyarakat Islam ialah kelompok manusia yang terdapat dalam sesebuah negara yang mempunyai pelbagai agama dan pegangan.
- D Masyarakat Islam ialah kelompok manusia yang terdapat dalam sesebuah negara yang beragama Islam tetapi tidak mempraktikkan ajaran Islam.

13. Manakah antara yang berikut bukan peranan keluarga iaitu ibu bapa dalam sesebuah keluarga dalam skop pendidikan?

- A Sesebuah keluarga atau ibu bapa yang mempunyai anak seharusnya memberi didikan awal kepada anak-anak bagi tujuan mendedahkan anak-anak kepada dunia pendidikan.
- B Keluarga atau ibu bapa juga hendaklah mengajar anak asas-asas ilmu seperti asas-asas membaca, menulis dan mengira kepada anak-anak.
- C Keluarga atau ibu bapa tidak perlu menyediakan dana untuk pengajian anak-anak kerana itu tanggungjawab anak-anak sendiri untuk menanggung pendidikannya sendiri.
- D Keluarga atau ibu bapa hendaklah menghantar anak-anak mereka ke sekolah apabila sampai umur persekolahan.

14. Berikut ialah institusi pemerintahan dan pentadbiran dalam Islam?

- i. Khilaf.
- ii. Diwan.
- iii. Imamah.
- iv. Imarah.

- A i, ii
- B i, iii
- C ii, iv
- D i, ii, iii

15. Manakah antara yang berikut tidak berkaitan dengan prinsip pelaksanaan ekonomi Islam?

- A Berteraskan prinsip keadilan dan kebajikan sosial.
- B Semua kegiatan ekonomi hanya bertujuan keuntungan semata-mata.
- C Tiada unsur penipuan atau kekaburan yang boleh mengelirukan pelanggan.
- D Penghasilan barangan dan perkhidmatan memberi manfaat kepada pengguna.

16. Di dalam ekonomi Islam, syarat sesuatu barangan yang menjadi barang jualan atau belian dalam aktiviti ekonomi mestilah berharga, mampu diserahkan dan boleh dimiliki, mempunyai manfaat dan dibenarkan di sisi syarak. Manakah antara berikut jenis barangan yang dianggap sukar untuk dimiliki atau didapati?

- A Ikan dalam laut.
- B Barangan jualan dalam talian.
- C Tanah yang dimiliki sepenuhnya.
- D Rumah dalam proses pembinaan.

17. Antara pernyataan berikut, yang manakah menunjukkan keruntuhan moral yang berlaku dalam kalangan remaja?
- A Membaca buku dan majalah ilmiah berkaitan agama Islam
 - B Menghabiskan masa cuti hujung minggu dengan rakan-rakan di samping berbincang tentang pelajaran.
 - C Menonton video ponografi dengan tujuan mengeratkan hubungan dan menghabiskan masa bersama kawan-kawan.
 - D Bersiar-siar dan melancong ke tempat-tempat bersejarah pada cuti hujung minggu bersama keluarga atau rakan-rakan.
18. Manakah antara yang berikut antara punca berlakunya keruntuhan akhlak?
- i. Kuat penghayatan agama.
 - ii. Sifat ingin cuba yang salah.
 - iii. Keperibadian dan jati diri yang kuat.
 - iv. Kurang didikan agama, perhatian dan kasih sayang ibu bapa
- A i, ii
 - B i, iii
 - C ii, iv
 - D i, ii, iii
19. Manakah antara pernyataan berikut tidak benar mengenai pembangunan atau kemajuan terhadap bidang sains, teknologi dan ICT menurut pandangan Islam?
- A Memenuhi keperluan dan kehendak manusia.
 - B Peningkatan taraf hidup, perilaku, dan daya pemikiran manusia.
 - C Melaksanakan tanggungjawab khalifah untuk memakmurkan dan membangunkan dunia.
 - D Bersaing dengan negara barat dalam pembangunan walaupun pembangunan tersebut akan membawa kemusnahan alam.

20. Islam menggalakkan aktiviti pembangunan yang membawa dan menunjukkan kemajuan sesebuah negara. Manakah antara pernyataan berikut menunjukkan pembangunan menyumbang manfaat kepada masyarakat sosial serta memenuhi kriteria yang ditetapkan dalam syariat Islam?

- i. Masjid sebagai pusat aktiviti sosial.
- ii. Pusat rekreasi seperti kolam renang diasaskan mengikut ciri-ciri Islam.
- iii. Pejabat kerajaan dan pusat membeli belah perlu wujud paling tidak satu kawasan ibadat untuk pengunjug Islam menunaikan solat lima waktu.
- iv. Pusat hiburan diwujudkan bagi menggalakkan generasi muda Islam terjebak dengan kegiatan sosial yang negatif seperti penagihan dadah dan perlumbaan haram.

- A** i, ii
B i, iii
C ii, iv
D i, ii, iii

21. Antara pernyataan berikut, yang manakah menunjukkan pembangunan, kemajuan sains, teknologi dan ICT yang menyalahi syariat Islam?

- A** Kemajuan telefon pintar yang membolehkan manusia berhubung tanpa sempadan dunia.
- B** Membuat pembedahan plastik bertujuan penukaran jantina daripada lelaki kepada perempuan.
- C** Menggugurkan bayi dalam kandungan atas nasihat doktor kerana membahayakan nyawa ibunya.
- D** Menggunakan vaksin untuk mencegah penyakit berjangkit dan berbahaya seperti virus Covid-19.

22. Siapakah nama tokoh ilmuwan Islam yang mencipta pelbagai alat pembedahan dan menerokai aspek semula jadi untuk pelbagai jenis perubatan?
- A Ibnu Sina.
 - B Ibnu Haitam.
 - C Ibnu Khathir.
 - D Ibnu Khaldun.
23. Salah faham tentang Islam tersebar dalam kalangan umat Islam sendiri dan bukan Islam hasil daripada pengenalan modenisme oleh penjajahan barat ke dunia Islam. Manakah antara berikut bentuk salah faham tradisional yang tidak menunjukkan berlakunya salah faham terhadap agama Islam?
- A Rasulullah SAW ummi iaitu tidak boleh membaca dan menulis.
 - B Al-Quran dikatakan mengandungi cerita-cerita dongeng dan penglipurlara.
 - C Agama Islam ialah agama suci dan lengkap yang menyentuh segenap kehidupan manusia.
 - D Wanita sebagai hamba seks atau digunakan untuk memuaskan hawa nafsu golongan lelaki.
24. Berikut merupakan antara hujah daripada Al-Quran dan Hadis yang dimanipulasi oleh pihak orientalis Barat.
- i. Nabi Muhammad SAW tidak layak menerima wahyu kerana baginda ummi iaitu tidak boleh membaca dan menulis atau tidak cerdik dalam ilmu pengetahuan.
 - ii. Rasulullah SAW dianggap sebagai penggemar poligami dan suka mengamalkan poligami luar biasa.
 - iii. Agama Islam ialah al-deen iaitu satu pegangan yang menitikberatkan soal dunia dan akhirat.
 - iv. Al-Quran dan Hadis menjadi sumber utama dalam pelbagai permasalahan yang berlaku.
- A i, ii
 - B i, iii
 - C ii,iii, iv
 - D i,ii,iii, iv

25. Manakah antara berikut merupakan bentuk salah faham semasa terhadap Islam?

- A Tourisme.
- B Feminisme.
- B Modenisme.
- C Ekstrimesme.

[25 MARKAH]

BAHAGIAN B

Bahagian ini mengandungi **LIMA(5)** soalan.

Jawab **semua** soalan. Tulis jawapan anda pada Kertas Jawapan.

SOALAN 1

Ihsan ialah kebaikan atau perbuatan yang baik yang dilakukan oleh manusia di muka bumi ini hasil gabungan akal, hati, perbuatan dan percakapan. Ihsan terbahagi kepada dua bahagian iaitu ihsan kepada Allah SWT dan ihsan kepada manusia.

- a. Berdasarkan pernyataan di atas, jelaskan **tiga (3)** bentuk ihsan kepada manusia.
(6 markah)
- b. Bincangkan **tiga (3)** kepentingan mempunyai sifat ihsan terhadap orang lain dalam kehidupan manusia.
(9 markah)

SOALAN 2

Munakahat merupakan suatu istilah yang diguna pakai dalam syariat Islam bagi membincangkan persoalan berkaitan dengan perkahwinan dan perceraian.

- a. Berdasarkan pernyataan di atas, jelaskan **tiga (3)** ciri pemilihan pasangan menurut panduan Islam.
(6 markah)
- b. Bincangkan **tiga (3)** hikmah berkahwin menurut Islam.
(9 markah)

SOALAN 3

Dewasa ini terdapat banyak produk perbankan yang ditawarkan oleh institusi perbankan Islam dan konvensional. Antara produk tersebut ialah simpanan, pelaburan, pembiayaan dan pinjaman.

a. Berdasarkan pernyataan di atas, jelaskan **tiga (3)** kriteria penting dalam menentukan sama ada produk perbankan tersebut harus di sisi Islam atau tidak.

(6 Markah)

b. Bincangkan **tiga (3)** pandangan anda terhadap kesan pelaksanaan moratorium pinjaman dan pembiayaan terhadap institusi perbankan Islam di Malaysia yang dilaksanakan oleh kerajaan Malaysia pada tahun 2020.

(9 Markah)

SOALAN 4

Sains, teknologi dan ICT merupakan salah satu perkara dalam perbahasan skop agama Islam dan mempunyai garis panduannya tersendiri. Pada masa kini, kemajuan sains, teknologi dan ICT menjadi semakin moden dan maju yang mana menjadi alat penting dalam pelbagai urusan kehidupan manusia seperti sektor pendidikan, sektor pentadbiran negara, sektor komunikasi atau telekomunikasi, sektor perdagangan, dan juga sektor hiburan alternatif Islam.

a. Berdasarkan pernyataan di atas, jelaskan **tiga (3)** syarat hiburan dalam Islam.

(6 markah)

b. Bincangkan **tiga (3)** pandangan anda terhadap isu semasa di Malaysia "scammer" menurut pandangan Islam kesan daripada kemajuan ICT.

(9 markah)

SOALAN 5

Gejala keruntuhan akhlak di Malaysia dapat dibendung sekiranya remaja diberikan didikan agama yang sebaiknya sejak kecil. Selain itu, perhatian dan kasih sayang yang secukupnya dapat mencegah permasalahan ini daripada terus menjadi parah.

- a. Berdasarkan pernyataan di atas, jelaskan **tiga (3)** peranan ibu bapa terhadap anak-anak bagi mencegah anak-anak daripada terjebak dengan gejala keruntuhan akhlak.

(6 markah)

- b. Bincangkan **tiga (3)** kesan buruk menonton video pornografi dalam kalangan remaja.

(9 markah)

[75 MARKAH]

KERTAS SOALAN TAMAT